



Ahmad Bin Hashim, Tapah bertanya: baru-baru ini *Madrasah al-Mashhūr al-Islamiyyah* Pulau Pinang meminta wang hasil loteri masyarakat kerana menubuhkan asrama bagi penuntut-penuntut madrasah itu - ertinya wang hasil loteri itu telah digunakan kerana perkembangan agama. Bagaimana pendapat tuan dalam hal ini?

Jawab: Loteri itu hukumnya haram. Mengadakan loteri, membeli loteri kedua-duanya haram. Perkara ini telah pernah ditulis dengan panjang lebar di dalam ruangan ini di dalam majalah ini. Tidak ada seorang ulama pun yang ada menghalalkan mengenai loteri ini.

Tetapi tentang wang hasil daripada loteri yang dianjurkan oleh kerajaan ada banyak ulama-ulama berpendapat wang itu hendaklah diterima seperti juga kita boleh menerima wang-wang hasil mahsul daripada kerajaan (bantuan kerajaan) yang termasuk di dalamnya ada cukai-cukai daripada barang yang diharamkan,

Selain daripada ini, mereka itu berpendapat jika orang-orang Islam menolak pendapatan wang ini maka akan bererti agama-agama lain atau lain-lain bahagian akan mendapatnya dan menguatkan perdiriannya. Daripada wang itu pergi kepada lain bahagian maka lebih utama wang itu di dapat oleh kita untuk penyelenggaraan dan kemajuan masyarakat.

Hal ini am – tidak khusus seperti barang-barang makanan yang kalau di makan menjadi darah daging kita berpendapat rebut peluang mendapatkannya supaya jangan direbut oleh golongan lain.

\* \* \*

Ahmad Bin Abdul Hakim, Pontian, Johor bertanya jika dibaca di dalam sejarah permulaan Islam maka pemuda-pemuda yang menerima seruan Islam jiwanya tidak dapat dipatah-patah sekalipun menerima seksaan-seksaan yang berat dan luar biasa. Demikian juga kalau kita lihat sejarah perkembangan Islam ke seluruh dunia seperti ke China yang dijalankan Abī Waqqāṣ dan seperti ke Malaya ini perkembangan sangat lekas dan maju tetapi sekarang, umat Islam banyak tetapi mengapa perkembangan Islam itu tidak sederas yang dijalankan oleh orang-orang dahulu dan hati umat Islam tidak seperti keimanan sahabat-sahabat masa dahulu?

Jawab: Salah satu daripada sebab yang utama mengapa maka seruan Islam - atau pun pengajaran Islam itu tidak kuat tertanam ke dalam jiwa yang menerimanya ialah bergantung kepada keikhlasan dan kebersihan jiwa yang memberi dan menerima.

Perkaitan jiwa antara yang memberi dan yang diberi tentunya ada. Kalau kesucian jiwa telah ada tentunya tiap-tiap sesuatu itu dijalankan dengan ikhlas.

Jiwa yang suci ini tidak akan di dapat oleh orang-orang yang tidak bersih pula keadaan darahnya iaitu daripada mereka-mereka yang memakan hak-hak orang, memakan barang-barang yang tidak bersih asalnya. Sahabat-sahabat Nabi menjaga hal-hal ini

Pada suatu hari khadam Khalifah Abū Bakr pulang membawa sebungkus makanan. Biasanya Abū Bakr terlebih dahulu

bertanya tentang makanan itu kepada khadamnya tetapi kerana beliau tersangat lapar maka dengan tidak bertanya terus dimakannya tetapi khadam mengingatkan mengapa tidak ditanya terlebih dahulu tentang makanan itu.

Setelah Abū Bakr mengetahui bahawa makanan itu tidak ada hak baginya memakannya maka dengan segera ia menjolok tekaknya untuk memuntahkan makanan yang dimakannya itu tetapi dengan ikhtiar itu ia tidak berjaya mengeluarkannya.

Akhirnya ia dinasihatkan orang meminum air banyak-banyak. Kemudian apabila anjuran ini dijalankan maka dapatlah beliau muntah dan baharu senang hati beliau.

Ada banyak riwayat-riwayat tentang sahabat-sahabat yang menjaga kebersihan darahnya kerana apabila makanan yang tidak halal baginya dimakannya telah menjadi darah dagingnya maka di manakah lagi akan ada kesucian jiwanya.

Kalau kita perhatikan keadaan-keadaan kita sekarang bolehlah kita memikirkan mengapa seruan atau anjuran seseorang itu tidak kuat kesannya kepada pendengar-pendengarnya dan tidaklah hidup di dalam jiwanya semangat-semangat yang pernah dibuat oleh syuhada-syuhada Islam jangankan seratus peratus sedangkan sepuluh peratus pun sukar hendak di dapat.

\* \* \*

Salim Bin Muhammad, Kampung Baharu Kuala Lumpur, bertanya: Baru-baru ini telah heboh di dalam akhbar mengenai pendapat-pendapat ulama tentang kalimah Allah dan Muhammad yang digunakan sebagai tanda atau simbol yang digunakan di topi-topi polis di Persekutuan Tanah Melayu. Sebahagian daripada mereka itu memandangnya molek dan baik dan sebahagian pula membantah pandangan itu dan menuntut tulisan Allah dan Muhammad itu jangan digunakan. Bagaimana pendapat tuan tentang ini?

Jawab: Di dalam suatu hal itu pasangannya ada dua: Satu untuk memuliakan atau satu untuk menghinakan, meninggikan atau merendahkan.

Kalau perkataan Allah Muhammad itu kita dibuat kerana dimuliakan maka tidak ada hak bagi kita menegah atas tujuan-tujuan kemuliaan itu. Umpamanya beberapa banyak orang-orang kafir yang memakai azimat yang bertulis Allah Muhammad; atau beberapa banyak orang-orang kafir yang ziarah kepada sesuatu tempat-tempat yang baik dengan tujuan memuliakan, maka kita tidak boleh membuat apa-apa kepada mereka.

Tetapi jika perbuatan mereka itu kerana bertujuan menghinakan, jika kehinaan itu berlaku di tempat-tempat yang tidak ada kerajaan Islam di dalamnya maka kita umat Islam tidak boleh berbuat apa-apa tetapi jika berlaku seperti di negeri Melayu ini maka kita ada daya upaya untuk menahan kehinaan itu.

Dengan keterangan ini sekarang jelas bahawa ada dua cara yang boleh menimbulkan suatu: Mulia atau hina

Sekarang mari kita perhatikan keadaan lencana polis yang dipakai itu. Ia digunakan di tempat yang mulia. di kepala. Ini bagus tetapi bagaimana kita akan menjamin supaya ia terpelihara daripada perbuatan kehinaan yang dilakukan oleh orang-orang yang bukan Islam atau Islam yang tidak tahu akan kehormatannya seperti membawanya masuk ke dalam tandas.

Syarak menetapkan bahawa menjauhkan kemudaratan hendaklah di dahulu daripada mendapat kebaikan. Kerana itu kita harus melihat lebih dahulu apakah bencananya yang sekira-kiranya boleh dipandang boleh memperolokkan ayat Allah.

Bolehkah diperhatikan perbuatan-perbuatan mereka daripada melakukan hal-hal yang tidak diperkenani oleh orang-orang

Islam? Jika berlaku umpamanya seorang pegawai polis daripada bangsa asing terus masuk ke tandas<sup>2</sup> bersama-sama dengan lencana yang tersebut itu dan ditahan oleh orang-orang-orang Islam yang berperasaan tidak senang atas langkahannya itu.

Tentunya hal ini tidak dikehendaki. Oleh yang demikian ada moleknnya kalau orang-orang yang menganjurkan itu memikirkan semula buruk baiknya kerana walau bagaimanapun mestilah diingat bahawa tegahan-tegahan yang demikian itu membawa (membawa kalimah Allah dan Muhammad ke dalam tandas) Ada tersebut di dalam hadith Nabi yang diriwayatkan Ānas Bin Mālik yang berkata: “Adalah Rasulullah apabila hendak masuk ke dalam jamban (tandas) meninggalkan daripada tangannya cincinnya”. (Hadith riwayat riwayat ‘Abū Dā’ud, al-Nisā’iyy, al-Tarmidhī dan ‘Abū Mājah).

*Tārikh* dan dengan tegas menunjukkan bahawa cincin Rasulullah itu bertulis dengan “Muhammad Rasulullah”.

Sekalipun ada beberapa pendapat ulama tentang membawa benda-benda itu ke dalam tandas hanya makruh hukumnya jika ditakuti ditinggalkan di luar hilang namun terang bahawa perbuatan yang demikian tidak digemari betapa pula kalau yang memakainya itu tidak tahu pula atas kemuliaannya. Tidak menyentuh atau menimbulkan perkara-perkara yang buruk, yang menurut syarak lebih dahulu dijauhkan daripada memandang kepada kebajikannya.

Mudah-mudahan segala perbuatan itu kelak tidak termasuk kepada pelanggaran yang mempermainkan ayat-ayat Allah.

\* \* \*

Abdul Rahim Ahmad, 986 Pongsu Seribu, Kepala Batas Seberang Perai, bertanya: Selalu diberitakan di dalam akhbar-akhbar bahawa setengah-setengah tempat barang siapa yang tidak hadir sembahyang Jumaat dihukum denda tetapi ada sepotong ayat

yang bertulis “*Lā ’ikrāha fi al-dīn*” (tidak ada paksaan di dalam agama (Islam)). Bagaimana hukumnya maka dipaksa begitu?

Jawab: Tidak ada paksaan di dalam agama itu adalah suatu ayat yang menunjukkan kepada kita bahawa kita tidak boleh memaksa seseorang memasuki agama Islam kerana memeluk agama Islam itu hendaklah dengan keredaannya sendiri sahaja.

Ayat ini ditujukan kepada orang-orang yang bukan Islam tetapi bagi seseorang Islam atau seseorang yang telah memeluk agama Islam maka dengan sendirinya terletak ke atas disiplin Islam. Ia wajib sembahyang, wajib menunaikan Jumaat - dan raja (pemerintah) berhak menuntut siapa yang tidak menunaikan Jumaat serta melanggar hukum-hukum yang dituntut oleh Islam kepada pemeluk-pemeluknya.

Hanya sanya hukum-hukum yang dijalankan oleh negeri-negeri menjalankan hukuman itu “memilih bulu” yakni dijalankan hanya ke atas rakyat sedang nampaknya hukuman itu tidak dilaksanakan kepada kerabat raja ataupun kepada orang-orang kenamaan. Inilah perkara yang menjadi sebab memperundangkannya dahulu di bantah orang.

\* \* \*

Awang Karim Bin Awang Abdullah, Belaga, Sarawak, bertanya:

Betulkah wang disimpan di dalam mana-mana bank itu tidak berkehendak kepada zakat kerana ia bukan daripada wang emas, perak atau tembaga?

Jawab: Pada zaman dahulu tidak ada wang kertas. Wang emas itu semata-mata diletakkan nilainya pada wang emas, perak dan tembaga tetapi kerana sekarang orang

<sup>2</sup>Ejaan Jawi dalam majalah Qalam di tulis sebagai tandus

tidak mahu lagi payah-payah lalu dibuat wang kertas, sedang tiap-tiap wang kertas yang dibuat itu jaminannya ada emas dan perak. Tiap-tiap bank kerajaan yang mengeluarkan wang itu ada mempunyai jaminan emas di atasnya. Jadi terang bahawa wang kertas itu adalah tukaran dari emas atau perak - dan wang-wang kertas yang terjamin itu beredar di antara kita sekarang.

Dengan ini terang bahawa sifatnya wang itu sama seperti emas atau perak mengikut kadarnya kerana itu tidaklah ia hendaknya dicuba diputar-putar dan dipersulitkan untuk menghilangkan zakat kerana ia kertas zakatnya tidak mesti dibayar.

Zakat atasnya, dengan tidak syak lagi, apabila cukup nisabnya wajib dibayar, dan sesiapa yang tidak menyempurnakannya berdosa dan jika ada kerajaan Islam, jika sesuatu daerah enggan membayarnya wajib diperangi.

\* \* \*

Zahrah Binti Muhammad Said, Nurse Hospital, Alor Setar, Kedah bertanya:

Adakah sah sembahyang (waktu) jikalau kita mendahului sembahyang daripada bunyi beduk (gendang raya) mengikut waktu adalah sama?

Jawab: Sesuatu sembahyang itu hanya sah dikerjakan di dalam waktunya. Jika saudara sembahyang telah yakin masuk waktu maka kerjakanlah sembahyang; sedang beduk atau gendang raya itu tidak menjadi pedoman kerana terkadang-kadang kita tidak mendengar beduk dibunyikan sedang waktunya telah masuk. Hal ini selalu berlaku terutamanya pada waktu Subuh. Kerana itu menjadi waktu sembahyang bukan beduk tetapi hendaklah di dalam waktunya.

\* \* \*

Yusuf Bin Ismail, Kampung Laut, Kota

Bharu, Kelantan bertanya: Bagaimanakah kita boleh kenal atau cam orang-orang yang berbahagia dunia dan akhirat? Adakah kerana banyak pengajian atau ilmunya atau kekayaannya?

Jawab: Salah satu daripada jalan mengenal orang yang berbahagia di dunia dan akhirat ialah berpada keikhlasan orang itu di dalam tiap-tiap usaha, amalnya dan pekerjaannya.

Tiap-tiap amal yang dibuat oleh seseorang itu tidak memadai hanya dengan ikhlas sahaja tetapi hendaklah terlebih dahulu dengan ilmu kerana amalan yang tidak dengan ilmunya tentulah menjadi sesia. Bolehkah seseorang itu menjalankan ikhlas di dalam sembahyangnya kalau tidak ada ilmu padanya? Jawabnya: Tentu tidak sebab tiap-tiap amalan yang dijalankan itu tidak akan sempurna melainkan dengan ilmunya - seperti sembahyang hanya didapati dengan ilmu yang dipelajari, dan ilmu itu tidak akan berbuah hanya dengan jalan amalan yang ikhlas, amalan yang soleh.

Tiap-tiap orang yang beramal soleh dan yang mengikhlasakan amalnya kepada Allah maka orang itu akan mendapat kebahagiaan seperti firmanNya di dalam Sūrah al-Nūr ayat 22 yang maksudnya:

“Dan Allah telah berjanji kepada orang yang beriman daripada kamu beramal soleh bahawa ia (Allah) akan jadikan mereka khalifah di bumi sebagaimana ia telah jadikan khalifah di bumi sebagaimana ia telah jadikan khalifah orang-orang yang sebelum mereka”.

Firman Allah di dalam Sūrah al-Nisā' ayat 146 maksudnya: “Melainkan mereka-mereka yang bertaubat, memperbaiki diri, berpegang kepada Allah dan mengikhlasakan agamanya kepada Allah maka mereka-mereka berserta orang-orang mukmin, dan